

# MCA tetap inginkan Dr Ling kekal

BH 25 MAY 2000

Oleh Ebi Azly Abdullah, Munaarfah Abu Bakar, Azmi Md Deros, Azrina Ahzan, Wan Esuriyanti Wan Ahmad dan Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR, Rabu – Kalangan pemimpin tertinggi MCA masih berharap Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, akan menarik balik keputusan meletak jawatan Menteri Pengangkutan demi kedudukan wakil parti itu dalam Kabinet.

Mereka berharap keputusan Dr Ling untuk bercuti selama dua minggu akan digunakan bagi menimbang semula kepentingan dan hasrat seluruh pemimpin serta akar umbi parti itu.

Timbalan Presiden MCA, Datuk Lim Ah Lek ketika dihubungi menyambut baik keputusan Dr Ling untuk bercuti supaya beliau dapat menimbang semula keputusan peletakan jawatannya dari Kabinet.

“Kami memerlukan pemimpin yang mantap dari parti untuk menduduki Kabinet. Jika Presiden dan Timbalan Presiden tidak berada dalam Kabinet, ia tentu akan menyukarkan Naib Presiden parti untuk membuat sebarang keputusan dalam spontan,” katanya.

Dalam keadaan itu, katanya, ia akan menyebabkan

menteri dari parti MCA berada dalam kekurangan.

“Kami juga memerlukan pemimpin berpengalaman parti duduk dalam Kabinet. Anda perlu meyakinkan Perdana Menteri dan menteri lain di Kabinet, dan semua ini hanya boleh dilakukan jika anda seorang berpengalaman dan pernah memegang jawatan penting dalam parti,” katanya.

Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng, berkata Dr Ling tidak mempunyai sebarang sebab untuk berhenti dari Kabinet kerana beliau menjalankan tanggungjawab dengan baik dan itu diakui sendiri oleh Perdana Menteri.

Chua berkata, tiada sebarang keraguan daripada parti dan ahli mengenai pertambahan jawatan Kabinet walaupun itu hanyalah cadangan umum secara spontan tetapi ia tidak sepatutnya timbul.

“Parti dan masyarakat Cina masih memerlukan beliau sebagai seorang menteri kanan untuk berkhidmat kepada parti dan negara,” katanya ketika ditemui pembe-

rita di pejabat Dr Ling di sini, hari ini.

Terdahulu, Dr Ling menyatakan hasrat untuk bercuti selama dua minggu selepas dinasihatkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta pemimpin MCA tetapi beliau tidak memberitahu tarikhnya.

Seorang lagi Naib Presiden MCA, Datuk Ong Ka Ting, berkata ahli dan pemimpin parti itu masih mempunyai harapan untuk memujuk Dr Ling supaya menarik balik keputusan untuk meletak jawatan.

“Dengan perkembangan terbaru ini (bercuti), kita berdoa dan berharap beliau menimbang semua cadangan serta faktor yang diberikan oleh ahli MCA. Sekurang-kurangnya, kita masih mempunyai sedikit harapan,” katanya.

Seorang lagi Naib Presiden MCA, Datuk Dr Fong Chan Onn, berkata mereka akan terus cuba berbincang dan memujuk Dr Ling supaya menarik balik keputusan meletak jawatan.

“Setahu saya, dia masih bertegas (untuk meletak ja-

watan). Tetapi kita akan terus merayu dan memujuknya,” katanya sambil mengakui pengalaman Dr Ling sebagai menteri dan Presiden MCA selama 14 tahun, memudahkan parti itu menjalin hubungan erat dengan Umno dan MIC.

Seorang lagi Naib Presiden MCA, Datuk Chan Kong Choy turut berharap Dr Ling mempertimbangkan dengan serius semua rayuan pemimpin dan ahli MCA di seluruh negara ketika menjalan cuti selama dua minggu.

Di IPOH, Setiausaha

Agung MCA, Datuk Dr Ting Chew Peh, yakin ahli MCA akan tetap bersatu padu walaupun agak kecewa dengan keputusan berkenaan.

“Ia (keputusan Dr Ling) hanya menimbulkan kesedihan di kalangan ahli parti tetapi saya yakin ia tidak akan menimbulkan masalah,” katanya selepas menghadiri mesyuarat Perhubungan MCA Perak di sini, hari ini.

Ini adalah kali pertama, Dr Ting memberi ulasan berhubung peletakan jawatan Presidennya kerana baru pulang dari China malam tadi.

“Saya terkejut mendengar berita itu. Ketika itu saya berada di China,” katanya sambil berpendapat, tindakan Dr Ling melepaskan jawatan Kabinetnya tidak kena pada masanya kerana parti, negara dan masyarakat Cina masih memerlukan perkhidmatan beliau.

Sementara itu, ahli Jawatankuasa Pusat (CC), Donald Lim Siang Chai berkata: “Kami semua gembira kerana beliau bercadang mengambil cuti untuk memikirkan mengenai perkara ini. Harapan kami ialah beliau

akan menimbang semula keputusannya untuk bersara,” katanya.

Ketua Wanita MCA, Datuk Dr Ng Yen Yen, berkata pergerakan itu turut merayu Dr Ling mempertimbangkan semula keputusan meletakkan jawatan kerana mereka tidak boleh menerimanya.

“Dengan ini kami sebulat suara meminta beliau menarik semula keputusannya itu,” katanya sambil memberitahu Wanita MCA akan menghantar keputusan mesyuarat itu kepada Dr Ling di pejabatnya.